

**UCAPAN OLEH
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA PERINGKAT
KEBANGSAAN TAHUN 2003 DI DATARAN PUTRAJAYA
9 NOVEMBER 2003**

DIF-DIF JEMPUTAN

Tuan-tuan/puan-puan, para hadirin yang saya hormati sekalian

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kita sama-sama berhimpun pada petang ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting selaku penganjur, kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis pelancaran hari kitar semula kebangsaan pada tahun ini.
2. Saya amat berbesar hati untuk hadir bersama saudara dan saudari pada petang ini kerana bagi saya, pemeliharaan alam sekitar, dan seterusnya amalan kitar semula, merupakan satu perkara yang amat penting sekali dalam usaha kita untuk mencapai pembangunan yang sustainable, berkualiti dan seimbang.
3. Negara kita bercita-cita untuk menjadi sebuah negara maju dalam acuannya tersendiri menjelang tahun 2020. Pembangunan pesat dari segi ekonomi dan sosial telah melahirkan keperluan untuk pembangunan fizikal yang lebih besar dan lebih canggih. Namun, dalam usaha membangunkan negara untuk rakyat, kita harus memastikan bahawa alam sekitar tidak sekali-kali menjadi korban.
4. Walaupun secara keseluruhan, menurut Malaysian Quality of Life Report, indeks kualiti alam sekitar hampir tidak berubah sepanjang jangka 1990-2000 (iaitu sekitar 100.2 mata), namun terdapat kemerosotan dalam beberapa buah petunjuk yang membimbangkan. Contohnya, saya kawatir tentang kemerosotan dalam kualiti sungai dan air, sepertimana ditunjukkan dalam peratusan sungai bersih dalam negara, yang jatuh daripada 53.3 peratus pada tahun 1990 kepada 28.3 peratus pada tahun 2000.
5. Kemerosotan kualiti sungai-sungai kita ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk akibat sisa buangan isi rumah dan ladang ternakan; efluen dari sektor pembuatan dan industri berasaskan pertanian; pepejal terampai dari hakisan tanah; dan sisa logam berat dari kilang. Sedikit sebanyak, ini memberi gambaran bahawa ramai rakyat Malaysia masih kurang mengambil berat tentang kaedah pembuangan sisa pejal yang bersih dan teratur. Saya menganggap ini merupakan satu lagi contoh "first world infrastructure, third world mentality" di kalangan rakyat Malaysia yang harus diubah.

6. Sememangnya, salah satu daripada masalah alam sekitar yang semakin meruncing di Malaysia pada masa kini ialah jumlah pembuangan sisa pejal yang semakin banyak, serta tapak pelupusan sisa buangan yang semakin berkurangan. Saya difahamkan Malaysia adalah antara negara yang paling banyak mengeluarkan sampah, di mana kira-kira 17,000 tan dihasilkan setiap hari, atau sebanyak lebih 5 juta tan setiap tahun. Adalah dijangka kadar penghasilan sampah negara akan terus meningkat pada kadar 2 peratus setiap tahun, selari dengan pertumbuhan penduduk dan kegiatan ekonomi negara yang semakin pesat. Dalam pada itu, menurut kajian, dijangka tapak pelupusan sisa buangan akan diisi setakat 80 peratus dalam hanya dua tahun lagi.

7. Walaupun teknologi-teknologi canggih untuk pelupusan sisa buangan wujud, dan kerajaan sedang dalam proses meningkatkan penggunaan teknologi-teknologi tersebut, namun usaha-usaha ini tidak akan mencukupi bagi tujuan kita. Sebenarnya, di samping pengurusan sisa pembuangan, kita juga harus menumpukan perhatian kepada isu pengurangan sisa dan sampah itu sendiri. Di sini, pemahaman dan amalan kitar semula oleh segenap lapisan masyarakat dapat memainkan peranan yang amat penting.

Saudara dan saudari sekalian

8. Kitar semula bukanlah satu perkara baru, malah banyak negara telahpun lama melaksanakannya. Terdapat banyak faedah yang dapat diperolehi jika rakyat Malaysia dapat menerapkan amalan kitar semula dalam rutin harian mereka.

9. Dari segi ekonomi misalnya, negara kita terpaksa membelanjakan lebih daripada 400 juta ringgit setahun untuk menguruskan sampah yang dihasilkan oleh penduduk negara. Sekiranya negara berjaya mencapai sasarannya, iaitu untuk mengitar semula sekurang-kurangnya 22 peratus daripada jumlah janaan sampah negara, adalah dijangka kita boleh menjimatkan sekurang-kurangnya 88 juta ringgit setiap tahun. Jumlah ini boleh disalurkan kepada projek-projek pembangunan lain yang lebih diperlukan oleh rakyat.

10. Dari segi industri, amalan kitar semula dapat mengurangkan perbelanjaan mengekstrak sumber ekonomi baru, manakala industri kitar semula itu sendiri dapat menjana peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan yang lebih, jika dibandingkan dengan industri pembuangan sisa pejal semata-mata.

11. Paling penting, amalan kitar semula dapat menolong memelihara alam sekitar, dan justeru itu dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia sejagat. Cuba bayangkan keadaan jika sisa-sisa buangan yang berlebihan yang tidak dikumpulkan itu terjatuh ke dalam sungai dan longkang-longkang. Akhirnya, ia akan mengakibatkan masalah alam sekitar seperti banjir kilat, atau menyebabkan air bertakung yang mungkin menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Ia akan membawa kemudaratan dan penyakit kepada rakyat Malaysia sendiri.

12. Oleh itu, pendekatan pembangunan yang lebih "sustainable" dan tidak membinasakan alam sekitar menjadi kritikal. Program kitar semula memainkan peranan yang penting menyokong dasar strategik kerajaan bagi pengurusan alam sekitar dan sumber semulajadi yang mampan. Secara spesifik, ia bertujuan untuk mengurangkan intensiti pencemaran dan sisa daripada aktiviti perbandaran dan perindustrian, di samping memastikan alam sekitar bersih dan sihat supaya dapat memenuhi keperluan dan aspirasi rakyat.

13. Program kitar semula yang dilaksanakan oleh kementerian perumahan dan kerajaan tempatan telah mencecah usia 3 tahun dan telah mencapai kadar kitar semula kira-kira 3 peratus. Jika dibandingkan dengan kadar kitar semula bagi negara-negara maju - di mana kebanyakan daripada mereka telah mencapai kadar kitar semula setinggi 30 hingga 47 peratus - prestasi Malaysia jauh ke belakang. Bilangan pusat kitar semula di dalam negara tidak mencukupi dan amalannya tidak meluas sama sekali.

14. Ada yang mengatakan bahawa negara-negara maju tersebut telah mengambil masa kira-kira 25 tahun untuk mencapai kadar kitar semula tersebut. Walaupun begitu, saya percaya Malaysia tidak perlu mengambil masa 25 tahun untuk mencapai sasaran yang telah kita tetapkan. Ini adalah kerana kesedaran tentang alam sekitar telah sedia wujud sekarang, dan kita telahpun ada sebilangan besar rakyat Malaysia yang menitik-beratkan keadaan alam sekitar.

15. Di samping itu, kita mempunyai keupayaan dan akses kepada kaedah-kaedah dan teknologi yang tidak mengotorkan alam sekitar berbanding masa lalu. Yang paling penting, kita ada kelebihan "hindsight" kerana dapat mempelajari daripada pengalaman negara-negara maju dalam pelaksanaan program kitar semula, baik dari segi mewujudkan kesedaran di kalangan rakyat, mahupun dari segi menggunakan kaedah-kaedah kitar semula yang terkini. Oleh itu, saya percaya kita boleh memendekkan tempoh pembelajaran kita mengenai pengitaran semula dan mempertingkatkan lagi kadar pengitaran semula negara dengan segera.

Saudara dan saudari sekalian

16. Sebahagian besar daripada usaha kita untuk meningkatkan amalan kitar semula bergantung kepada penerapan nilai-nilai, sikap dan amalan pro-alam sekitar di kalangan rakyat Malaysia supaya konsisten dengan pemikiran dan budaya negara maju, sepertimana yang kita idamkan dalam wawasan 2020. Sesungguhnya, kita perlu menghargai, mengasihi dan menghormati alam sekitar .

17. Kini, dalam pemikiran ramai rakyat Malaysia, kitar semula hanya terhad kepada tong-tong kitar semula semata-mata. Namun kitar semula adalah jauh daripada itu; ia adalah satu cara hidup yang berkait rapat dengan nilai-nilai murni seperti tidak boros, sederhana dan menghargai nilai sesuatu benda. Pada saya, pemikiran kitar semula harus menjadi sebahagian daripada kebiasaan kita, baik di peringkat pembelian, penggunaan ataupun pembuangan.

18. Di samping itu, untuk menyokong dan mempermudah penjiwaan amalan kitar semula dalam diri setiap rakyat Malaysia, pihak-pihak berkuasa hendaklah bekerjasama dengan rakyat dan memastikan bahawa perkhidmatan yang diberi dan kemudahan infrastruktur yang disediakan adalah mencukupi, efisien, konvienien, dan konsisten. Di sini, saya meminta kementerian perumahan dan kerajaan tempatan mengkaji aspek-aspek polisi dan perundangan yang boleh membantu mempertingkatkan amalan kitar semula di dalam negara. Ini termasuklah langkah-langkah untuk mewujudkan galakan yang bersesuaian, terutama bagi penggunaan teknologi dalam aktiviti kitar semula.

19. Kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan haruslah bekerjasama antara satu sama lain supaya dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti dan responsif kepada pelanggan, termasuk dari segi pengurusan sisa buangan. Aspek ini amat penting kerana kita semua, sebagai penjawat awam, adalah pemegang amanah rakyat dan harus memberi tumpuan kepada tanggungjawab kita untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada mereka.

20. Dalam pada itu, kementerian perumahan, pihak berkuasa tempatan, pemaju perumahan, pengurus pusat membeli belah dan pihak-pihak lain mestilah memastikan bahawa pusat pengumpulan sisa buangan serta tong-tong kitar semula ditempatkan di lokasi-lokasi yang sesuai dan mudah diakses, seperti di kawasan perumahan, di pusat aktiviti komuniti, di pusat membeli-belah, dan juga di tempat pekerjaan, untuk memudahkan dan menggalakkan lebih ramai orang mengitar semula.

21. Untuk menyahut seruan kepimpinan melalui tauladan, dan dalam menjadi sebuah "role-model" bagi pihak-pihak yang lain, saya ingin mengarahkan semua kementerian, jabatan serta agensi kerajaan, terutamanya yang berada di putrajaya, untuk menempatkan tong-tong kitar semula di pejabat masing-masing dan mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan semua pegawai-pegawai kerajaan mengamalkan kitar semula. Untuk mengukuhkan lagi amalan kitar semula tersebut di kalangan pegawai dan keluarga mereka, saya juga ingin melihat setiap kawasan perumahan kerajaan, terutamanya di Putrajaya, dilengkapi dengan pusat pengitaran semula.

22. Selain itu, kita boleh mengambil langkah-langkah berjimat cermat dalam penggunaan sumber-sumber di pejabat kita. Dalam usaha mengurangkan jumlah kertas yang digunakan di pejabat kerajaan dan sebagai langkah konkrit ke arah "paperless government", saya meminta ketua setiausaha negara untuk mengeluarkan surat pekeliling kepada semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan untuk menggalakkan penggunaan pencetakan komputer dwi-muka (iaitu pada kedua belah muka surat), dan juga untuk menggalakkan penggunaan bahagian belakang muka surat yang telah digunakan untuk menulis atau mencetak draf-draf dokumen bukan rasmi.

23. Saya berharap dengan terlaksananya langkah-langkah yang ringkas ini, putrajaya dapat menjadi "role-model" amalan kitar semula bagi rakyat dan majikan lain di seluruh negara. Semoga amalan kitar semula akan bercambah, berakar dan menghijau di setiap pelusuk tanahair.

Saudara dan saudari sekalian

24. Amalan kitar semula adalah sesuatu kegiatan yang boleh dijalankan di peringkat nasional, kawasan, komuniti, serta individu. Oleh itu, kejayaan program kitar semula banyak bergantung kepada kerjasama yang erat di kalangan semua pihak. Jadi, marilah kita semua, sama ada individu, kerajaan persekutuan ataupun negeri, pihak berkuasa tempatan, swasta, n.g.o., institusi pengajian dan semuanya, sama-sama menjadikan kitar semula sebagai amalan hidup kita.

25. Akhir kata, saya berharap pelaksanaan program kitar semula ini akan diteruskan secara berpanjangan dan dengan konsisten. Kita perlu meneruskan usaha untuk memastikan program ini berjaya diterapkan di kalangan masyarakat, khususnya di kalangan generasi muda yang akan mewarisi teraju kepimpinan negara kelak.

26. Maka dengan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis sambutan program kitar semula ini. Dengan lafaz bismillahir rahmannir rahim, saya merasmikan Majlis Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan tahun 2003.

SEKIAN, TERIMA KASIH